

Mahasiswa FTeK bantu bersih tumpahan minyak



Kuantan, 28 Mac - Seramai 24 orang sukarelawan daripada Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTeK) yang diketuai Penolong Pendaftar Kanan FteK, Emma Melati Burhanuddin menyertai misi pembersihan tumpahan minyak di kawasan pemecah ombak, Terminal Pelabuhan Kuantan baru-baru ini.

Program anjuran Jabatan Alam Sekitar Negeri Pahang Cawangan Gebeng ini bermula sekitar jam 8.00 pagi sehingga berakhir jam 12.30 tengah hari bagi membersihkan tumpahan minyak yang berlaku pada 26 Mac sehingga mengakibatkan pencemaran di kawasan pantai di kawasan berdekatan.

Selain Universiti Malaysia Pahang (UMP), misi turut melibatkan kerjasama beberapa agensi kerajaan dan swasta yang sama-sama menghulurkan bantuan. Antaranya sukarelawan daripada FGV Biotech, APMM, KPC, Alam Flora, Bredero Shaw, Felda Vege Oil, Bomba, FPG, Lynas, Toray BASF, Eastman, Kaneka, Jabatan Laut, Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (PSPPA), BASF Petronas Chemicals Sdn Bhd, AFSB dan Petronas MTBE.



Menurut Dekan FteK, Profesor Dr. Zularisam Ab. Wahid berkata, tumpahan minyak ini telah merebak sepanjang tujuh km dan menjelaskan kawasan pantai berhampiran. Selain itu, tumpahan minyak juga telah mula membentuk lapisan likat yang keras di sepanjang pantai tersebut.

"Program ini dapat memberi kesedaran kepada mahasiswa tentang peranan dan tanggungjawab mereka dalam memastikan alam ini sentiasa dipelihara. Selain itu mahasiswa juga didedahkan dengan teknik-teknik pembersihan yang digunakan dalam menyelesaikan permasalahan berkaitan pembersihan tumpahan minyak," katanya.

Sementara itu, bagi profesor pelawat dari Northern Illinois University (NIU), Amerika Syarikat iaitu Prof. Dr. Andrew Otieno yang turut sama dalam misi ini berpendapat, tumpahan minyak ini pastinya memberi gangguan terhadap ekosistem di kawasan terlibat dan perlu ditangani segera.

Beliau berbangga dengan semangat yang ditunjukkan mahasiswa bagi menjayakan program secara sukarela dalam membantu misi pembersihan ini. Lebih 100 sukarelawan membantu mengumpulkan dan membuang sisa-sisa minyak ini ke dalam bekas-bekas plastik yang disediakan bagi mengurangkan masalah pencemaran di sekitar pantai ini.

Berita dan gambar disediakan oleh Pn. Emma Melati Burhanuddin dari Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FteK dan suntingan oleh Bahagian Komunikasi Korporat PNC.

Posted By : NORHIDAYAH BINTI MOHAMAD Date Posted : 09-04-2015, 08:12:01